

FPP BizNewz

January – May 2022

MANAGEMENT • INVESTMENT • ECONOMICS • ENTREPRENEURSHIP • TECHNOLOGY

**Mengapa Pelaburan
Emas Menjadi Pilihan?**

Telur Mana Telur?

*you
are
what
matters*

**An Affair of Online
Learning and Covid-19**

**Pembasmian Kemiskinan Dalam RMK
Ke-12**

Bukit Harimau Menangis
Tarikan Pendakian di Kemaman



Publication Date
30 June 2022

Photo by Marek Levák on Unsplash



PEMBASMIAN DALAM RANCA MALAYSIA KE- ISU DAN HALAT



KEMISKINAN ANGAN -12 UJU

¹Chamhuri Siwar & ²Mohd Khairi Ismail

¹Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), Universiti Kebangsaan Malaysia

²Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu

Photo by Ali Arif Soydaş on Unsplash

eISSN 2600-9811

19

PENGENALAN: KONSEP, UKURAN DAN TREND KEMISKINAN 1970-2020.

Kemiskinan melibatkan konsep ketidakcukupan dalam kehidupan. Kemiskinan secara amnya merujuk kepada ketidakcukupan dalam meneruskan kehidupan. Namun dari konteks yang luas kemiskinan merujuk kepada ketidakcukupan dalam pelbagai sektor seperti ekonomi, sosial dan alam sekitar. Di Malaysia, kemiskinan diukur menggunakan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang pada tahun 2016 ditetapkan pada RM2208. Hal ini bererti isi rumah dikategorikan miskin jika menerima pendapatan kurang daripada RM2208 (Jalil et. al, 2020).

Malaysia sentiasa konsisten dalam membasmi kemiskinan. Usaha keras ini telah bermula sejak awal kemerdekaan dan ia bersifat agresif apabila pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada tahun 1970 di bawah Rancangan Malaysia Kedua (RMK-2). Ketika pelaksanaan DEB, kemiskinan negara pada keadaan membimbangkan apabila kadar kemiskinan masih tinggi iaitu 49.0 peratus. Keadaan ini memerihalkan keperluan kerajaan untuk memandang serius isu kemiskinan. Selepas 20 tahun pelaksanaan DEB, kadar kemiskinan telah menunjukkan penurunan kepada 19.1 peratus pada tahun 1990 (Chamhuri et. al, 2005).

Usaha berterusan dalam membasmi kemiskinan telah diteruskan menerusi pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional (DPN). Pelaksanaan DPN dalam Rancangan Malaysia Keenam (RMK-6) sehingga Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK-7) menyumbang kepada penurunan kemiskinan di tahap 7.2 peratus. Dengan peratusan kemiskinan tersebut, kerajaan terus optimis untuk mencapai kadar kemiskinan yang lebih rendah apabila awal tahun 2000, tumpuan mula diberikan kepada sektor perindustrian dan perkhidmatan dalam menjana pertumbuhan ekonomi. Keadaan ini telah membantu dalam penyediaan peluang pekerjaan dan meningkatkan pendapatan seterusnya mengurangkan kemiskinan

(Chamhuri et. al, 2019).

Semasa Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10), kadar kemiskinan paling rendah dicatatkan adalah pada tahun 2014 iaitu 0.6 peratus. Pada tahun 2016, kadar kemiskinan telah meningkat kepada 7.6 peratus berikutan semakan nilai PGK daripada RM980 kepada RM2208. Namun pada tahun 2019, kadar kemiskinan menurun kepada 5.6 peratus. Pada tahun 2020, kadar kemiskinan adalah 8.1 peratus dan ia tidak mengejutkan berikutan keadaan ekonomi semasa yang berdepan dengan isu Covid-19 yang menyebabkan peningkatan pengangguran dan kemiskinan (Jabatan Perdana Menteri, 2015).

PEMBASMIAN DALAM RMK-2 HINGGA RMK-11

Trend penurunan kemiskinan negara banyak disumbangkan oleh dasar dan program kerajaan yang melibatkan tiga peringkat iaitu persekutuan, negeri dan kerajaan tempatan. Pelaksanaan pembangunan tanah semasa DEB telah memberi peluang kepada masyarakat untuk terlibat dalam ekonomi berasaskan pertanian. Penglibatan agensi seperti Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA), Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA) dan Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) menunjukkan usaha jitu kerajaan dalam membantu masyarakat untuk keluar daripada kemiskinan. Selain itu pembangunan infrastruktur di kawasan luar bandar telah merancakkan lagi pembangunan aktiviti ekonomi sehingga tahun 1990an (Chamhuri & Khairi, 2019)

Kerajaan turut memperkenalkan bantuan sosial kepada golongan miskin seperti bantuan pendidikan, kesihatan dan sosial (Islam, 2012). Program-program termasuklah Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT), Bantuan sosial Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) dan Rancangan Makanan Tambahan (RMT). Kini program pembasmian kemiskinan masih

diteruskan seperti Program Bantuan Rumah (PBR), Bantuan Kanak-kanak (JKM) dan banyak lagi. Selain itu, akses terhadap kewangan turut disediakan bagi golongan yang memerlukan menerusi program pembiayaan mikro dari Amanah Ikhtiar Malaysia. Satu perubahan juga dilihat menerusi bantuan kewangan kepada golongan miskin seperti Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M). Sehingga kini, bantuan kewangan ini masih diteruskan menerusi penjenamaan semula dan kesesuaian semasa.

PEMBASMIAN KEMISKINAN DLM RMK-12: STRATEGI, OBJEKTIF DAN PROGRAM

Selepas pelaksanaan 11 Rancangan Malaysia, isu kemiskinan masih diberi perhatian dan "kemiskinan tegar" masih difokuskan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12). Hal ini menunjukkan kemiskinan ini masih wujud dan perlu diselesaikan. Impak daripada penularan pandemik COVID-19 yang menyebabkan kadar kemiskinan negara meningkat semula menyebabkan kerajaan perlu berusaha lebih keras. Dalam RMK-12, kerajaan telah menekan usaha pembasmian kemiskinan tegar menjelang tahun 2025. Usaha menangani kemiskinan dan kesenjangan pendapatan atau lebih dikenali sebagai jurang pendapatan wajar dirintis dengan mempelajari kejayaan yang dicapai beberapa negara lain (Gopal et. al, 2021). Hal ini dapat memberi satu maklumat pendekatan yang sesuai dan lebih realistik agar segala usaha pembasmian kemiskinan tidak tersasar daripada objektif sebenar. Selain itu, pendekatan menyeluruh adalah perlu supaya tidak ada golongan miskin dan miskin tegar yang dipinggirkan. Hal ini merujuk kepada rakyat miskin termasuk individu yang menetap di bandar yang berdepan masalah kesempitan kewangan berikutan peningkatan kos sara hidup secara ketara dapat dibantu (Jabatan Perdana Menteri, 2021).

Dalam RMK-12, kerajaan dilihat terus berusaha dalam usaha meningkatkan pendapatan isi rumah disamping mengurangkan jurang agihan pendapatan. Usaha pemberian inisiatif kewangan masih diteruskan kepada kumpulan sasar dan perlindungan sosial

juga masih diteruskan untuk tempoh jangka pendek. Dengan peruntukan berjumlah RM1.5 bilion kepada golongan B40, Program Pemerkasaan Ekonomi Komuniti Bandar dan Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat di luar bandar yang diperkenalkan turut secara langsung mensasarkan golongan miskin untuk lebih mandiri dan keluar daripada kemiskinan bagi meneruskan penghidupan mampan.

HALATUJU DAN CABARAN

Selain itu, pelaksanaan RMK-12 menumpukan kepada hala tuju pembasmian tegar yang lebih berfokus. Kerajaan perlu mengambilkira isu pengukuran kemiskinan yang bersandarkan kepada kumpulan B40. Jika pengukuran kemiskinan negara bertumpu kepada kumpulan B40 sahaja ia mungkin tidak menggambarkan keadaan kemiskinan yang sebenar. Hal ini berlaku kerana kadar kemiskinan negara mungkin tertumpu kepada kumpulan B40 sahaja dan sebaliknya pengukuran kemiskinan perlu menggunakan pendapatan individu. Menerusi sistem sedia ada, penilaian kategori B40 dan M40 dibuat dalam tempoh dua tahun sekali menerusi tinjauan yang dilaksanakan. Ia mengambil masa untuk setiap maklumat dikemaskini dan menyebabkan maklumat tersebut tidak memcerminkan keadaan sebenar (Jabatan Perdana Menteri, 2021).

Dalam pelaksanaan RMK-12, penumpuan dalam konteks penyediaan data perlu diutamakan. Maklumat-maklumat daripada agensi-agensi perlu dikemaskini dan disatupadukan untuk memudahkan penggunaannya bagi pihak tertentu. Hal ini berlaku kerana pengemaskinian data secara bulanan atau mingguan akan memudahkan proses pemantauan secara berkala berkaitan dasar dan program pembasmian kemiskinan.

Pengenalan Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (IKDP) dalam RMK-11 yang dikatakan menambahbaik pengukuran menggunakan PGK seharusnya diberi keutamaan dan dimaklumkan kepada masyarakat. Hal ini kerana pendapatan individu kadangkala

tidak mencerminkan keadaan kekurangan mereka. Contohnya, individu mungkin dikira tidak miskin melalui pendapatan tetapi tidak memenuhi keperluan yang cukup seperti keadaan rumah yang baik, masalah akses kepada kesihatan, pendidikan atau kemudahan sosial. Oleh itu wujud keperluan dalam menjelaskan keperluan IKDP kepada masyarakat agar mereka memahami negara bukan hanya bergantung kepada PGK dalam menentu kemiskinan tetapi aspek bukan pendapatan turut diutamakan (Jamil & Mat, 2020).

RUJUKAN

Chamhuri, S., Khairi, M., Ashikin, N., & Zalikha, S. (2019). Kumpulan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40) di Malaysia: Mengenal pasti trend, ciri, isu dan cabaran. Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI). Universiti kebangsaan Malaysia.

Chamhuri, S., Hasan, S. K., & Chamhuri, N. (2005). *Ekonomi Malaysia*. Pearson Malaysia Sdn. Bhd.

Chamhuri, S., & Khairi, I. (2019). Cabaran pensasaran kemiskinan: Pengajaran daripada Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) dan implikasi terhadap golongan B40. 294-303.

Gopal, P. S., Rahman, M. A. A., Malek, N. M Singh, P. S. J., & Hong, L. C. (2021). Kemiskin adalah satu fenomena multidimensi: Suatu pemerhatian awal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(1), 40-48.

Islam, F. P. K. (2012). Intervensi sosial untuk komuniti tersisih: Ke arah pembangunan ummah. *Jurnal Hadhari*, 4(2), 29-44.

Jabatan Perdana Menteri. (2021). Unit Perancangan Ekonomi. <https://www.epu.gov.my/ms/pembangunanekonomi/rancanganpembangunan/rmk/perancangterdahulu>

Jabatan Perdana Menteri. (2015). *Rancangan Malaysia Kesebelas 2016-2020*. Putrajaya: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.

Jalil, N. S. A., Mohamad, M. H., & Majid, W. R. (2020). Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) 2019 dan had kifayah MAIWP: Satu tinjauan perbandingan.

Jamil, N., & Mat, S. H. C. (2020). Kemiskinan pelbagai dimensi berwajaran. *Journal of Economics and Sustainability (JES)*, 2(1), 15-15.



BizNewz 2022
Faculty of Business and Management
Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Kampus Dungun
Sura Hujung, 23000 Dungun, Terengganu, MALAYSIA
Tel: +609-8400400
Fax: +609-8403777
Email: biznewzuitm@gmail.com